


Sinar Harian  
27/11/16 m/s 2

## Lokasi diisytihar Zon Merah



Pandangan udara tanah runtuh di Taman Idaman menyebabkan enam kereta, dua motosikal dan van tertimbus serta seorang cedera. - Foto BERNAMA



Kawasan di Taman Idaman terjejas teruk akibat tanah runtuh beri risiko kepada kediaman penduduk.

**HULU SELANGOR** - Pihak polis mengisytiharkan kawasan tanah runtuh di Taman Idaman, Serendah di sini sebagai kawasan larangan Zon Merah.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan R. Supramaniam berkata, sehubungan itu pihaknya mengarahkan seramai 340 penduduk berpindah sementara ke Sekolah Rendah Agama Serendah.

"Kesemua mereka diarahkan berpindah sebelum jam 1.45 petang ini (semalam). Setakat 11.45 pagi, hanya 10 peratus penduduk berpindah. Kami minta kerjasama penduduk agar akur dengan arahan ini demi keselamatan mereka.

"Di sekolah ini, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat berperanan menyediakan makanan kepada mereka. Penduduk akan ditempatkan di sekolah ini sehingga proses baik pulih selesai," katanya pada

sidang media di lokasi kejadian.

Supramaniam berkata, orang ramai juga tidak dibenarkan berada di kawasan kejadian merangkumi radius seluas 600 meter itu dan satu lencongan jalan baharu akan dibina segera bagi kegunaan penduduk.

Menurutnya, siasatan mendapati runtuhan tanah itu berpunca daripada pengaliran air bawah tanah yang deras.

"Hasil pemantauan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) ia (tanah runtuh) bukan daripada air paip," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, dalam kejadian itu, 10 kenderaan yang diletakkan di tepi jalan dan sebuah gerai makan di kawasan tersebut tercampak ke lereng bukit berdekatan.

Ahli Parlimen Hulu Selangor P. Kamalanathan turut melawat kawasan kejadian. - Bernama

